



GARIS PANDUAN PENGURUSAN ASRAMA ILJTM

Edisi Pertama
(Tahun 2022)

Disediakan Oleh:

Jawatankuasa *Task Force* Pengurusan Asrama ILJTM,
Jabatan Tenaga Manusia,
Kementerian Sumber Manusia

ISI KANDUNGAN

BAB 1: PENDAHULUAN.....	1
1.1 PENGENALAN.....	1
1.2 PENGGUNAAN.....	1
1.3 TAKRIFAN	2
1.4 PENGURUSAN ASRAMA INSTITUT.....	5
1.5 KEMUDAHAN ASRAMA PELAJAR	7
1.6 OBJEKTIF	7
1.7 CARTA ORGANISASI.....	8
BAB 2: KETETAPAN ASAS	10
2.1 PENGARAH.....	10
2.2 TIMBALAN PENGARAH OPERASI (TPO)	10
2.3 BAHAGIAN PENGURUSAN PELAJAR DAN LATIHAN (BPPL)	11
2.4 BAHAGIAN PENYELENGGARAAN DAN PENGURUSAN ASET (BPPA)..	11
2.5 PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PPT).....	11
2.6 PENOLONG PENGURUS ASRAMA	12
2.7 PENYELIA ASRAMA	14
2.8 KETUA WARDEN DAN WARDEN.....	18
BAB 3: PENGURUSAN ASRAMA	21
3.1 MATLAMAT.....	21
3.2 KEBAJIKAN PELAJAR ASRAMA	21
3.3 PENEMPATAN ASRAMA PELAJAR	22
3.4 JAWATANKUASA KEDIAMAN ASRAMA (JKA)	22
3.5 PERATURAN AM ASRAMA.....	30
3.6 PERATURAN KESELAMATAN.....	33
3.7 JAWATANKUASA TATATERTIB PELAJAR	34

3.8	PELAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASRAMA INSTITUT KE IBU PEJABAT	35
BAB 4:	PENUTUP	36
4.1	PENAMBAHBAIKAN & CADANGAN	36
4.2	JAWATANKUASA <i>TASK FORCE</i> PENGURUSAN ASRAMA ILJTM.....	37
4.3	SENARAI RAJAH, BORANG, SENARAI SEMAK DAN CARTA ALIRAN ...	39
4.4	RUJUKAN	42
4.5	LOG PERUBAHAN (<i>CHANGE LOG</i>).....	43
4.6	LAMPIRAN.....	44

LAMPIRAN BORANG DAN SENARAI SEMAK

Lampiran	Tajuk Borang dan Senarai Semak
1	TPDMA 1 Borang Pendaftaran Asrama
2	TPDMA 2 Borang Kebenaran Mendiami Bilik Sakit
3	TPDMA 3 Borang Pengesahan Untuk Rawatan Ke Klinik / Hospital
4	TPDMA 4 Borang Laporan Pelajar Sakit Bulanan
5	TPDMA 5 Borang Pemeriksaan Bilik Asrama Pelajar
6	TPDMA 6 Borang Pengesahan Berhenti / Pelepasan Dari Institut
7	TPDMA 7 Borang Pesanan Bekalan Makanan Bermasak Mingguan
8	TPDMA 8 Borang Pemeriksaan Menu Makanan Harian
9	TPDMA 9 Borang Laporan Pemeriksaan Premis Makanan
10	TPDMA 10 Borang Daftar Peralatan Peribadi
11	TPDMA 11 Borang Pengakuan Penganjur Seminar / Kursus Penginapan Asrama
12	TPDMA 12 Senarai Semak Pemantauan Asrama Cuci Kawasan dan Landskap
13	TPDMA 13 Borang Masuk Keluar Asrama Semasa Latihan
14	TPDMA 14 Borang Laporan Kehilangan

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Garis Panduan ini disediakan untuk memastikan pengurusan asrama di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) dilaksanakan dengan seragam, teratur dan sistematik mengikut peraturan sedia ada yang berkuatkuasa. Buku Peraturan Tatatertib Pelajar ILJTM adalah menjadi teras dalam penyediaan Garis Panduan ini. Secara asasnya, Garis Panduan ini menetapkan dasar dan prosedur pengurusan asrama bagi institusi latihan yang berada di bawah kawalan Jabatan Tenaga Manusia (JTM).

1.2 PENGGUNAAN

Penyediaan Garis Panduan ini adalah berdasarkan kepada peraturan yang berkuatkuasa pada masa ianya disediakan. Secara dasarnya, Garis Panduan ini hendaklah dipatuhi oleh semua ILJTM di seluruh Malaysia dalam melaksanakan pengurusan asrama di institut masing-masing.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya terdapat percanggahan antara Garis Panduan ini dengan peraturan semasa yang berkuatkuasa, maka percanggahan tersebut hendaklah dimaklumkan dengan kadar segera kepada urus setia di peringkat Ibu Pejabat JTM supaya tindakan pengemaskinian Garis Panduan dapat dilaksanakan.

Pada masa tersebut, perkara percanggahan di dalam Garis Panduan ini tidak lagi terpakai dan peraturan berkuatkuasa semasa hendaklah didahului berbanding Garis Panduan ini. ILJTM hendaklah dari semasa ke semasa memastikan Garis Panduan yang dirujuk adalah edisi terkini yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JTM.

1.3 TAKRIFAN

Berikut adalah definisi atau tafsiran bagi terma yang digunakan di dalam Garis Panduan ini.

1.3.1 **Jabatan Tenaga Manusia**

Jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia yang beralamat di Aras 6, Blok D4, Komplek D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530 Wilayah Persekutuan Putrajaya.

1.3.2 **Institut**

Sebuah institusi latihan di bawah JTM, yang memberi pelajaran, pengajaran dan latihan kepada seseorang atau sekumpulan orang.

1.3.3 **Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)**

Institut latihan yang terdiri daripada Institut Latihan Perindustrian / *Industrial Training Institute* (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi / *Advanced Technology Training Centre* (ADTEC) dan Institut Teknikal Jepun-Malaysia / *Japan Malaysia Technical Institute* (JMTI) di bawah JTM.

1.3.4 **Ketua Pengarah (KP)**

Ketua kepada semua pengarah institut latihan di bawah JTM.

1.3.5 **Pihak Berkuasa Institut**

Sekumpulan orang yang diberi kuasa oleh JTM untuk mentadbir dan mengurus sesebuah Institut.

1.3.6 **Pengarah**

Ketua kepada pegawai dan kakitangan di sesebuah Institut.

1.3.7 Pegawai

Seseorang yang menyandang sesuatu jawatan dalam Institut atau yang bertugas di Institut.

1.3.8 Pengajar

Semua kakitangan yang mengendalikan latihan di Institut.

1.3.9 Kakitangan

Termasuk mana-mana pekerja Institut.

1.3.10 Pelajar

Orang yang menerima pelajaran, pengajaran dan latihan di sesuatu Institut.

1.3.11 Ketua Warden

Pegawai yang dilantik untuk mengetuai warden dalam menjaga hal ehwal dan kebajikan pelajar dalam asrama.

1.3.12 Warden

Pegawai yang menjaga hal ehwal dan kebajikan pelajar dalam asrama.

1.3.13 Penolong Pengurus Asrama

Pegawai yang menyelia asrama termasuk mengurus harta modal dan inventori asrama.

1.3.14 Penyelia Asrama

Pegawai yang menyelia asrama termasuk mengurus harta modal dan inventori asrama.

1.3.15 Pegawai Yang Diberi Kuasa

Pegawai yang diberikan kuasa oleh Pengarah di Institut untuk menguatkuasakan peraturan.

1.3.16 Ketua Bahagian

Pegawai yang mengetuai setiap bahagian kursus di Institut.

1.3.17 Kawasan Institut

Semua kawasan yang meliputi segala bangunan atau lain-lain struktur di atasnya yang dipunyai atau di bawah kawalan pentadbiran pihak berkuasa Institut.

1.3.18 Luar Kawasan Institut

Semua kawasan yang berhampiran institut atau kawasan luar yang melibatkan aktiviti rasmi institut.

1.3.19 Asrama

Apa-apa kemudahan tempat tinggal yang disediakan dan dibawah kawalan pentadbiran pihak berkuasa Institut untuk kediaman pelajar.

1.3.20 Jawatankuasa Tatatertib Pelajar (JTP)

Jawatankuasa Tatatertib Pelajar I dan II yang ditubuhkan di Institut dan bertanggungjawab bagi hal ehwal tatatertib pelajar.

1.3.21 Majlis Perwakilan Pelajar

Kumpulan pelajar yang dilantik bagi mewakili semua pelajar-pelajar di Institut berkenaan.

1.3.22 Kesalahan Tatatertib

Pelanggaran mana-mana peraturan dan arahan institut.

1.3.23 Kesalahan Berat

Pelanggaran mana-mana peraturan yang boleh membawa kepada hukuman disingkirkan dari Institut

1.3.24 TMS

Training Management System adalah sistem dalam talian yang digunakan jabatan bagi pengrekodan data pelajar.

1.4 PENGURUSAN ASRAMA INSTITUT

Pengurusan Asrama Institut di ILJTM terdiri daripada Jawatankuasa Pengurusan Asrama Institut (JPKA) dan disokong oleh dua (2) bahagian iaitu Unit Pengurusan Asrama (UPA) serta Jawatankuasa Kediaman Asrama (JKA). Ianya diwujudkan untuk memberi perkhidmatan kebajikan kepada pelajar sama ada dari segi lahiriah mahupun dari segi rohaniah.

Jawatankuasa Pengurusan Asrama Institut (JKPA) dipengerusikan oleh Pengarah Institut dan Penolong Pegawai Tadbir selaku setiausaha. Keanggotaan jawatankuasa ini terdiri daripada pegawai bertanggungjawab terhadap hal ehwal pelajar, penyelenggaraan dan pengurusan aset, pengurusan asrama dan warden.

Jawatankuasa Kediaman Asrama (JKA) keanggotaannya adalah terdiri daripada kalangan penghuni asrama. Ketua Warden dilantik sebagai penasihat kepada jawatankuasa ini dan mesyuarat dilaksanakan secara berkala.

Unit Pengurusan Asrama (UPA) di ketuai Penolong Pegawai Tadbir dan dibantu Penolong Pengurus Asrama serta Penyelia Asrama. UPA bertanggungjawab bagi menyelaras penempatan pelajar, makan minum dan kemudahan pelajar di asrama. Unit ini turut bertanggungjawab terhadap kebajikan, keselamatan dan penyediaan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan dengan pelajar.

Antara perkhidmatan lain yang disediakan oleh UPA ini adalah:

- a) Menyelaras permohonan pelajar dan pengrekodan melalui modul asrama dalam Sistem TMS
- b) Melaporkan keperluan perolehan dan penyelenggaraan di asrama dan dewan makan
- c) Mengemaskini rekod daftar aset dan pelupusan di asrama dan dewan makan

- d) Melaksanakan pelaporan bulanan terhadap kapasiti penginapan, aduan kerosakan, pemantauan kualiti makanan harian dan tatatertib pelajar.
- e) Menyelaraskan sewaan penempatan asrama kepada individu dan pihak luar mengikut kadar ditetapkan Jabatan Penilaian Pengurusan Harta.

Urus tadbir UPA yang teratur dan terancang berupaya untuk menyediakan kemudahan prasarana asrama dan dewan makan yang selesa kepada persekitaran penghuni asrama dan selanjutnya memberi impak positif untuk kejayaan pelajar dalam bidang kemahiran.

Zon seliaan UPA di ILJTM terbahagi kepada Blok Asrama Lelaki, Blok Asrama Perempuan dan Dewan Makan.

1.5 KEMUDAHAN ASRAMA PELAJAR

Asrama pelajar merupakan suatu kemudahan tempat tinggal yang selamat, tenteram dan selesa disediakan oleh ILJTM dengan kemudahan asas yang mencukupi. Mendiami asrama bukan merupakan hak kepada mana-mana pelajar. Pihak Pengurusan ILJTM berhak menawar, tidak menawar ataupun menarik balik tawaran kemudahan ini kepada mana-mana pelajar atas kepentingan ILJTM.

Pertimbangan mendiami asrama akan sentiasa diberi kepada pelajar yang menghargai kemudahan dan bekerjasama dengan pihak pengurusan asrama dan institut disamping mematuhi peraturan yang ditetapkan serta pelajar-pelajar yang sentiasa memberi jasa dan mengharumkan nama ILJTM.

1.6 OBJEKTIF

Matlamat pengurusan asrama ialah berusaha bersama mewujudkan suasana asrama yang selamat, tenteram dan selesa sebagai tempat tinggal yang kondusif dan tempat belajar yang harmoni. Matlamat yang digariskan ini menjadi hala tuju kepada kehidupan yang ceria dan sejahtera di asrama ILJTM agar sesuai untuk pembelajaran yang akhirnya nanti menjamin kecemerlangan pelajar.

Terdapat empat (4) objektif utama UPA iaitu;

- a) Menyediakan kemudahan penginapan yang kondusif;
- b) Mempertingkatkan kemudahan yang berkualiti dan pengurusan cekap serta berintegriti;
- c) Membantu menyelaras program pembangunan pelajar yang bersepadu; dan
- d) Menawarkan perkhidmatan yang mesra dan efisien.


1.7 CARTA ORGANISASI

Carta Organisasi Jawatankuasa Pengurusan Asrama ILJTM terbahagi kepada tiga (3) bahagian iaitu;

- a) Pengurusan Tertinggi JTM
 - i. Ketua Pengarah
 - ii. Timbalan Ketua Pengarah
 - iii. Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
 - iv. Pengarah Bahagian Pembangunan Kemahiran (BPK)
 - v. Pengarah Bahagian Pengurusan Latihan (BPL)

- b) Pengurusan Institut
 - i. Pengarah Institut
 - ii. Timbalan Pengarah (Operasi)
 - iii. Penolong Pegawai Tadbir
 - iv. Penolong Pengarah (BPPL)
 - v. Penolong Pengarah (BPPA)

- c) Pelaksana Institut
 - i. Penolong Pengurus Asrama
 - ii. Penyelia Asrama
 - iii. Ketua Warden
 - iv. Warden



Rajah 1: Carta Organisasi Jawatankuasa Pengurusan Asrama ILJTM

BAB 2: KETETAPAN ASAS

2.1 PENGARAH

- 2.1.1 Pengarah adalah penjawat awam Persekutuan (tetap) yang berkhidmat di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM).
- 2.1.2 Mengetuai organisasi institut dalam merancang, mengurus, melaksana dan memantau urus tadbir pengurusan asrama di institut masing-masing secara menyeluruh, optimum, efisien dan berkesan.
- 2.1.3 Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bangunan dan kemudahan asrama yang telah disediakan oleh Kerajaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan optimum.
- 2.1.4 Pengarah hendaklah memastikan pengurusan asrama di institut mematuhi Garis Panduan ini secara keseluruhannya dan peraturan-peraturan lain berkaitan yang dikuatkuasakan oleh agensi pusat dari semasa ke semasa.
- 2.1.5 Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Asrama Institut (JKPA).

2.2 TIMBALAN PENGARAH OPERASI (TPO)

- 2.2.1 Timbalan Pengarah Operasi adalah penjawat awam Persekutuan (tetap) yang berkhidmat di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM).
- 2.2.2 Timbalan Pengarah Operasi bertanggungjawab menjalankan tugas Pengarah dalam tempoh perjawatan Pengarah tidak diisi atau Pengarah bertugas rasmi di luar kawasan.
- 2.2.3 Membantu Pengarah dalam merancang, mengurus, melaksana dan memantau urus tadbir pengurusan asrama di institut masing-masing secara menyeluruh, optimum, efisien dan berkesan.

2.3 BAHAGIAN PENGURUSAN PELAJAR DAN LATIHAN (BPPL)

- 2.3.1 Bahagian Pengurusan Pelajar Dan Latihan bertanggungjawab membantu Pengarah dalam mengurus dan memantau hal ehwal pelajar di institut.
- 2.3.2 Mengurus permohonan, pengambilan dan penempatan pelajar.
- 2.3.3 Mengurus kalendar latihan dan takwim tahunan program serta aktiviti pelajar.
- 2.3.4 Mengambil tindakan terhadap kes salah laku pelajar dan menyediakan dokumen sokongan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Pelajar.

2.4 BAHAGIAN PENYELENGGARAAN DAN PENGURUSAN ASET (BPPA)

- 2.4.1 Bahagian Penyelenggaraan Dan Pengurusan Aset bertanggungjawab membantu Pengarah dalam memantau dan memastikan infrastruktur, kemudahan-kemudahan, peralatan dan kelengkapan asrama di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia sentiasa siap sedia digunakan.
- 2.4.2 Menyelaras dan mengurus perbelanjaan berkaitan penyelenggaraan dan pengurusan aset di bawah Peruntukan Pembangunan (P46), Mengurus (B46) dan Akaun Amanah Institut.

2.5 PENOLONG PEGAWAI TADBIR (PPT)

- 2.5.1 Penolong Pegawai Tadbir adalah penjawat awam Persekutuan (tetap) yang berkhidmat di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM).
- 2.5.2 Penolong Pegawai Tadbir mengetuai Bahagian Pentadbiran dan Kewangan serta Unit Pengurusan Asrama. Penolong Pengurus Asrama dan Penyelia Asrama adalah pegawai dibawah seliaanya.

- 2.5.3 Membantu Pengarah dalam merancang, mengurus, melaksana dan memantau urus tadbir pengurusan asrama di institut masing-masing secara menyeluruh, optimum, efisien dan berkesan.
- 2.5.4 Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Asrama Institut (JKPA) secara berkala dan bertindak sebagai setiausaha. Membantu Pengarah dalam melaksanakan tindakan penambahbaikan bagi memastikan operasi pengurusan asrama berfungsi dengan cekap dan berkesan.

2.6 PENOLONG PENGURUS ASRAMA

- 2.6.1 Penolong Pengurus Asrama adalah penjawat awam Persekutuan (tetap) dan pegawai di bawah kategori *Contract of Service* yang berkhidmat di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM).
- 2.6.2 Penolong Pengurus Asrama bertanggungjawab dalam urusan Unit Pengurusan Asrama (UPA) dan Dewan Makan serta Penyelia Asrama adalah pegawai dibawah selianya.
- 2.6.3 Membantu Pengarah dalam merancang, mengurus, melaksana dan memantau urus tadbir pengurusan asrama di institut berkaitan dengan pelajar, fasiliti dan kemudahan-kemudahan asas yang lain.
- 2.6.4 Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Asrama Institut secara berkala dan bertindak sebagai penolong setiausaha. Membantu Pengarah dalam melaksanakan tindakan penambahbaikan bagi memastikan operasi pengurusan asrama berfungsi dengan cekap dan berkesan.
- 2.6.5 Senarai tugas penolong pengurus asrama adalah seperti berikut:
 - Aspek Pentadbiran, Penempatan dan Dewan Makan**
 - a) Menentukan, melaksanakan dan mengurus pentadbiran pejabat dan kediaman asrama dengan sempurna.

- b) Menyelia dan mengawasi kakitangan seliaanya.
- c) Menguruskan dan menentukan penempatan pelajar.
- d) Memastikan dan menyelenggara segala prasarana, fasiliti dan kemudahan asrama dan pelajar.
- e) Memeriksa keseluruhan kebersihan makanan dan dewan makan.
- f) Menyediakan Analisa tender/ sebutharga dewan makan.

Aspek Kewangan

- a) Menyemak tuntutan bayaran bekalan makanan bermasak Islam.
- b) Menyediakan permohonan bahan guna habis untuk kegunaan asrama.
- c) Menyediakan anggaran bajet kos makanan pelajar untuk setiap sesi.

Aspek Aset

- a) Mengemaskini urusan rekod dan kawalan aset, stor, pejabat, kelengkapan bilik pelajar, bilik umum dan bilik pelawat.
- b) Mengurus pelupusan kelengkapan dan rekod stor kelengkapan kediaman asrama.

Aspek Penyelenggaraan Bangunan

- a) Semakan berkala dan pelaporan kepada Bahagian Penyelenggaraan dan Pengurusan Aset institut.
- b) Memantau kerja-kerja kontraktor, perkhidmatan pembersihan dan landkap serta perkhidmatan kawalan keselamatan.
- c) Memastikan urusan penyelenggaraan bangunan teratur dan lancar.

Aspek Kediaman Asrama dan Tatatertib

- a) Mengurus persiapan logistic untuk aktiviti pelajar.
- b) Mengurus dan menyemak proses tatatertib kediaman pelajar.

2.7 PENYELIA ASRAMA

- 2.7.1 Penyelia asrama adalah penjawat awam Persekutuan (tetap) dan pegawai di bawah kategori *Contract of Service* yang berkhidmat di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM).
- 2.7.2 Penyelia Asrama bertanggungjawab dalam urusan Unit Pengurusan Asrama (UPA) dan Dewan Makan.
- 2.7.3 Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Asrama Institut (JKPA) secara berkala dan bertindak sebagai pembantu setiausaha. Membantu Pengarah dalam melaksanakan tindakan penambahbaikan bagi memastikan operasi pengurusan asrama berfungsi dengan cekap dan berkesan.
- 2.7.4 Penyelia asrama bertanggungjawab menguruskan tugas-tugas domestik, penginapan dan kelengkapan asrama serta sajian makanan. Memastikan kelengkapan asrama dan dewan makan berada dalam keadaan baik, menyelia dapur dan dewan makan, membuat uji rasa makanan serta menyelia pekerja, peralatan dapur dan asrama. Memastikan urusan pentadbiran dan pengurusan asrama mematuhi tatacara dan prosedur yang berkuatkuasa. Merancang anggaran keperluan kewangan dan mengawal perbelanjaan.
- 2.7.5 Senarai tugas penyelia asrama adalah seperti berikut:
- Aspek Pentadbiran**
- a) Menjalankan tugas pendaftaran masuk/ keluar penghuni asrama.
 - b) Membantu merancang, memantau dan mengemaskini senarai nama dan kedudukan/ pembahagian bilik penghuni asrama setiap masa.
 - c) Memeriksa dan merekod maklumat penghuni asrama.

- d) Menyediakan laporan statistik bulanan dan tahunan penghuni asrama.
- e) Membantu memantau salah laku penghuni asrama dengan menyediakan laporan kepada Bahagian Pengurusan Pelajar dan Latihan (BPPL).
- f) Menerima laporan salah laku penghuni asrama, mendokumentasi dan mengemukakan kepada Bahagian Pengurusan Pelajar dan Latihan (BPPL).
- g) Membuat perancangan dan kawalan kewangan asrama (pembelian/perolehan aset asrama).
- h) Mengurus stok inventori dan harta modal di asrama termasuk penerimaan, hapus kira dan pelupusan.
- i) Mengurus surat menyurat, fail dan surat-surat pekeliling yang berkaitan.

Aspek Perkhidmatan

- a) Bertanggungjawab dalam pengendalian dan rekod kunci. Memberi dan menerima kunci daripada penghuni asrama dan menyimpan di tempat yang disediakan.
- b) Memastikan penghuni asrama mematuhi peraturan-peraturan asrama.
- c) Menyedia dan mengemaskini peraturan asrama dari semasa ke semasa.
- d) Bertanggungjawab dalam merancang dan memantau penyediaan bilik asrama dan kelengkapan asrama. Menyelaras penggunaan bilik asrama supaya digunakan secara optimum.
- e) Mengurus penggunaan kemudahan penginapan, makan/ minum dan prasarana asrama oleh pihak luar.

Aspek Penyelenggaraan Fasiliti

- a) Memeriksa peralatan dan mengenalpasti keperluan kelengkapan asrama.
- b) Menyediakan laporan anggaran keperluan kelengkapan asrama.

- c) Memastikan asrama dan persekitaran berada dalam keadaan bersih dan selesa.
- d) Memantau dan memeriksa proses kerja pembersihan di asrama oleh syarikat pembersihan dan landskap
- e) Memastikan pemeriksaan harian mengikut skop yang telah ditetapkan serta menerima aduan kerosakan, memeriksa dan membuat laporan kerosakan peralatan dan kelengkapan asrama kepada Bahagian Penyelenggaraan dan Pengurusan Aset
- f) Menghantar Laporan Kebersihan Bangunan dan Kawasan Asrama kepada pihak berkuasa institut.

Aspek Keselamatan dan Kebajikan

- a) Menyelia dan menyediakan kemudahan di bilik rawatan bagi kemudahan pelajar yang sakit.
- b) Pengurusan berkaitan aspek kesihatan penghuni asrama seperti:
 - i. Pengurusan bilik rawatan
 - ii. Pengurusan keperluan pergerakan penghuni asrama ke klinik/hospital
 - iii. Memberi bantuan kecemasan awal kepada penghuni asrama dan
 - iv. Menyediakan dan mengemaskini Laporan Pelajar Sakit Bulanan (TPDMA 4).
- c) Mengurus Kebersihan, Keceriaan, dan Keselamatan (3K) di bilik rawatan.
- d) Memastikan keperluan alat bantuan keselamatan dan kemudahan di bilik rawatan adalah mencukupi.
- e) Membantu dalam mematuhi prosedur pencegahan wabak penyakit.
- f) Memastikan penghuni asrama mematuhi Polisi / Peraturan Keselamatan dan Kesihatan.
- g) Melakukan rondaan bagi memastikan penghuni asrama, aset, bangunan, kemudahan dan persekitaran (bilik pelajar, tandas, bilik air, bilik-bilik khas, dewan makan dan lain-lain) berada dalam keadaan baik, teratur dan selamat untuk digunakan.

- h) Menyediakan pelan tindakan kecemasan dan senarai pegawai yang boleh dihubungi semasa berlaku kecemasan.
- i) Membantu merancang pelan tindakan kebakaran dan memastikan pelaksanaan latihan pencegahan kebakaran (*fire drill*) dijalankan sekurang-kurangnya sekali pada setiap semester pengajian.

Aspek Kawalan Kualiti

- a) Melaksanakan dan memantau setiap proses kerja mengikut arahan pekeliling atau piawaian.
- b) Mengambil tindakan sewajarnya jika menerima sebarang aduan berkenaan kemudahan asrama, keselamatan dan kebajikan.
- c) Membantu dalam kajian kepuasan pelanggan.
- d) Mengumpul, menganalisis, menyediakan laporan kajian dan mendokumentasi.

Aspek Pengurusan Kewangan

- a) Membantu mengurus permohonan perolehan bagi pembelian dan perkhidmatan yang melibatkan kelengkapan serta peralatan asrama.
- b) Membantu mengurus dan menyemak tuntutan bayaran perkhidmatan makanan bermasak islam pada setiap bulan

Aspek Pengurusan Perkhidmatan Bekalan Bermasak

- a) Memantau kebersihan dan keceriaan dewan makan dan dapur asrama serta memastikan pekerja dewan makan mematuhi garis panduan kesihatan/kebersihan dewan makan.
- b) Membuat tempahan makanan melalui Jadual 8 berdasarkan bilangan penghuni asrama semasa tidak kurang dari 48 jam sebelum masa sajian.
- c) Bertanggungjawab sepenuhnya dalam aspek berkaitan bekalan makanan bermasak di asrama. (Mengikut Kontrak Perjanjian Perkhidmatan Membekal Makanan Bermasak Asrama)

- d) Membantu dan bekerjasama dengan pihak pengurusan dalam menangani kes keracunan makanan.
- e) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan.

2.8 KETUA WARDEN DAN WARDEN

- 2.8.1 Kebajikan pelajar yang tinggal di asrama hendaklah sentiasa diberi perhatian oleh pihak institut. Pengarah institut hendaklah melantik seorang (1) Ketua Warden dan beberapa Warden bagi membantu urus tadbir asrama bersama-sama timbalan pengarah operasi, bahagian pengurusan pelajar dan latihan, penolong pegawai tadbir dan penyelia asrama.
- 2.8.2 Ketua warden dan warden adalah penjawat awam Persekutuan (tetap) dan pegawai di bawah kategori *Contract of Service* yang berkhidmat di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan dilantik bertempoh dengan diberi elaun warden sebagaimana kadar berikut;
- a) Ketua Warden : RM 280 sebulan
 - b) Warden : RM 240 sebulan
- 2.8.3 Ketua warden dan warden bertugas di Pejabat Warden Asrama dari jam 9.00 malam hingga 11.00 malam termasuk bertugas 'on call' di luar waktu pejabat mengikut jadual bertugas.
- 2.8.4 Warden memainkan peranan penting dalam membantu dan menjaga kebajikan pelajar agar sentiasa berada pada tahap yang baik dan sejahtera. Warden dianggap sebagai pengganti ibu bapa. Warden juga berperanan sebagai fasilitator, penasihat dan pembimbing pelajar.
- 2.8.5 Walaupun warden dianggap sebagai penasihat atau pembimbing dan mempunyai budi bicara tertentu, tetapi bagi pelajar yang gagal mematuhi peraturan asrama, perlu diambil tindakan yang sewajarnya.

- 2.8.6 Senarai tugas **Ketua Warden** adalah seperti berikut;
- a) Dilantik sebagai Penasihat kepada Jawatankuasa Kediaman Asrama (JKA) dan mesyuarat dilaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) kali pada setiap semester.
 - b) Memastikan taklimat kediaman asrama dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setiap semester pengajian
 - c) Menyelaras takwim tahunan aktiviti asrama
 - d) Merancang dan menyediakan jadual bertugas warden
 - e) Memastikan tindakan susulan laporan harian warden bertugas diambil
 - f) Menghadiri Mesyuarat Pengurusan Institut.
 - g) Memastikan kes-kes salahlaku diambil tindakan yang sewajarnya
 - h) Memastikan pelajar sakit mendapat rawatan segera
 - i) Memastikan pelajar dimaklumkan apabila mendapat maklumat kecemasan dari keluarga
 - j) Memastikan kes-kes kecurian, pergaduhan, kemalangan dan seumpamanya diambil tindakan sewajarnya
 - k) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan
- 2.8.7 Senarai tugas **Warden** adalah seperti berikut;
- a) Menjalankan tugas mengikut portfolio dan jadual tugas harian yang ditetapkan
 - b) Bertugas di pejabat warden dari jam 9.00 hingga 11.00 malam termasuk bertugas 'on call' di luar waktu pejabat mengikut jadual
 - c) Melakukan rondaan di bilik, aras dan blok serta persekitaran kediaman asrama
 - d) Memastikan supaya warden mudah dihubungi oleh penghuni-penghuni asrama
 - e) Warden dikehendaki berada di kawasan asrama sepanjang masa bertugas
 - f) Menyediakan laporan tugas harian dan merekodkan kehadiran bertugas

- g) Memaklumkan kepada ketua warden jika tidak dapat bertugas dan perlu mendapatkan pengganti
- h) Warden bertugas dikehendaki membaca laporan harian petugas sebelumnya dan mengambil tindakan susulan
- i) Bertanggungjawab terhadap kebajikan dan disiplin penghuni asrama
- j) Memberi khidmat nasihat dan bimbingan kepada penghuni asrama supaya dapat melahirkan suasana yang harmoni
- k) Mengawal selia penghuni agar mematuhi peraturan asrama dengan melakukan pemeriksaan dari semasa ke semasa
- l) Menasihati dan memantau kegiatan-kegiatan sosial dan aktiviti harian penghuni asrama
- m) Membantu menjalankan latihan kebakaran (*fire drill*) sekurang-kurangnya sekali (1) setiap semester pengajian.
- n) Membantu menyelaraskan penempatan pelajar baharu dan senior
- o) Mengambil tindakan yang sesuai untuk mendapatkan rawatan bagi penghuni asrama yang sakit
- p) Mengambil tindakan serta melaporkan dengan segera kepada ketua warden sekiranya ada kecemasan yang berlaku dalam kalangan penghuni asrama
- q) Menyampaikan maklumat kecemasan dengan segera kepada penghuni asrama
- r) Mengambil tindakan segera terhadap kes-kes salah laku, kemalangan, kecemasan, kematian dan seumpamanya
- s) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan

BAB 3: PENGURUSAN ASRAMA

3.1 MATLAMAT

- 3.1.1 Matlamat pengurusan asrama adalah mewujudkan suasana kediaman asrama yang selamat, tenteram dan selesa sebagai tempat tinggal yang kondusif dan tempat belajar yang harmoni.
- 3.1.2 Matlamat yang digariskan ini menjadi hala tuju kepada kehidupan yang ceria dan sejahtera di kediaman asrama ILJTM agar sesuai untuk pembelajaran bagi mencapai kecemerlangan pelajar.

3.2 KEBAJIKAN PELAJAR ASRAMA

- 3.2.1 Kebajikan pelajar yang tinggal di kediaman asrama adalah diberi perhatian oleh pihak institut. Warden khususnya memainkan peranan penting dalam membantu dan menjaga kebajikan pelajar agar sentiasa berada pada tahap yang baik dan sejahtera. Warden dianggap sebagai pengganti ibu bapa dan berperanan sebagai fasilitator, penasihat dan pembimbing pelajar.
- 3.2.2 Peranan seterusnya yang dimainkan oleh warden ialah sebagai penguatkuasa peraturan. Walaupun warden dianggap sebagai penasihat atau pembimbing dan mempunyai budi bicara tertentu, tetapi bagi pelajar yang gagal mematuhi peraturan institut dan asrama, warden hendaklah bertindak tegas dan mengambil tindakan sewajarnya.
- 3.2.3 Ketua Warden juga berperanan sebagai penasihat kepada Jawatankuasa Kediaman Asrama (JKA) dalam merancang dan

menjayakan aktiviti kediaman asrama pada setiap semester pengajian.

3.3 PENEMPATAN ASRAMA PELAJAR

- 3.4.1 Semua pelajar baharu diberi keutamaan mendiami kediaman asrama. Namun, ianya bergantung kepada kekosongan dan polisi institut berkenaan.
- 3.4.2 Tawaran kepada pelajar senior bagi mendiami kediaman asrama bergantung kepada kekosongan dan ditentukan oleh Unit Pengurusan Asrama (UPA). Keutamaan diberi berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh institut berkenaan.
- 3.4.3 Pelajar yang mendiami kediaman asrama perlu mengisi Borang Pendaftaran Asrama (TPDMA-1) yang disediakan oleh Unit Pengurusan Asrama.
- 3.4.4 Unit Pengurusan Asrama akan kunci masuk daftar bilik (masuk / keluar / tukar) menggunakan Modul Dalam Talian TMS.
- 3.4.5 Pengarah atau Unit Pengurusan Asrama boleh menarik balik tawaran kediaman asrama atas sebab-sebab kepentingan institut pada bila-bila masa. Keputusan pemilihan kediaman asrama adalah muktamad.

3.4 JAWATANKUASA KEDIAMAN ASRAMA (JKA)

- 3.4.1 Jawatankuasa Kediaman Asrama (JKA) merupakan satu jawatankuasa daripada kalangan penghuni kediaman asrama dan diketuai oleh seorang Ketua Kediaman Asrama (pelajar) dan dibantu oleh barisan biro serta wakil-wakil aras/blok yang dilantik. JKA ini

adalah sama seperti penglibatan pelajar dalam jawatankuasa / kelab / persatuan lain di institut.

3.4.2 Objektif JKA adalah seperti berikut;

- a) Memupuk bakat kepimpinan penghuni di peringkat kediaman asrama
- b) Merancang dan melaksanakan projek-projek atau aktiviti-aktiviti di peringkat kediaman asrama
- c) Menjadi penghubung kepada pihak pengurusan dan pentadbiran asrama dalam hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan penghuni
- d) Bekerjasama dengan pihak pengurusan asrama bagi memastikan proses urus tadbir asrama berjalan lancar

3.4.3 Penasihat JKA

Ketua warden bertindak sebagai Penasihat JKA dan dibantu beberapa orang warden bertanggungjawab dalam melantik, membimbing dan menasihati barisan biro berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan aktiviti.

3.4.4 Keahlian Jawatankuasa Kediaman Asrama

Keahlian Jawatankuasa Kediaman Asrama hendaklah dilantik sebelum semester pengajian baharu bermula. Ahli-ahli terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan Biro-Biro yang ditentukan mengikut keperluan semasa seperti Biro Kebajikan dan Kesihatan, Biro Sukan dan Kebudayaan, Biro Kerohanian dan Sosial, Biro Keselamatan dan Ketenteraman, Biro Kebersihan dan Keceriaan dan Biro Tugas-Tugas Khas.

3.4.5 Bidang tugas JKA adalah seperti berikut;

a) Pengerusi

- i. Mempengerusikan mesyuarat
- ii. Berbincang dengan setiausaha untuk menentukan tarikh mesyuarat
- iii. Menetapkan agenda mesyuarat
- iv. Menyelaras perancangan aktiviti serta bajet JP KK bersama biro-biro
- v. Mengesahkan minit mesyuarat
- vi. Menjadi perantara bagi pihak pelajar dengan pihak pengurusan institut.
- vii. Memantau aktiviti setiap biro
- viii. Membuat keputusan hal-hal yang berkaitan dengan JKA mengikut kesesuaian
- ix. Memastikan semua peralatan dan kemudahan yang disediakan untuk JKA dijaga dengan baik
- x. Memohon daripada pihak pengurusan institut untuk mendapatkan keperluan peralatan
- xi. Menyerahkan laporan bertulis (aktiviti dan kewangan) daripada setiap biro kepada ketua warden selewat-lewatnya dua minggu selepas sesuatu aktiviti tersebut selesai
- xii. Menjalankan tugas seperti yang diarahkan oleh pihak pengurusan institut.

b) Naib Pengerusi

- i. Menjalankan tugas-tugas pengerusi ketika ketiadaannya
- ii. Membantu pengerusi dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan pengurusan JKA
- iii. Memantau aktiviti-aktiviti yang dijalankan setiap biro
- iv. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan

c) Setiausaha

- i. Menyedia dan mengedarkan surat panggilan mesyuarat
- ii. Memaklumkan tarikh mesyuarat kepada ketua warden
- iii. Mencatat dan menyediakan minit mesyuarat
- iv. Mengedarkan minit mesyuarat kepada semua ahli dalam masa 3 hari selepas mesyuarat selesai dijalankan
- v. Menyimpan serta merekod surat-surat dan minit mesyuarat JKA
- vi. Bertanggungjawab dalam urusan surat menyurat
- vii. Menyedia dan menyelaraskan keseluruhan Takwim JKA
- viii. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan

d) Penolong Setiausaha

- i. Membantu kerja-kerja Setiausaha
- ii. Mengambil alih tugas Setiausaha semasa ketiadaannya

e) Bendahari

- i. Menyediakan laporan bajet tahunan
- ii. Menguruskan akaun perbelanjaan aktiviti
- iii. Menyimpan dan merekod segala dokumen kewangan
- iv. Memajukan permohonan peruntukan daripada setiap biro kepada penasihat
- v. Memaklum dan menyerahkan permohonan yang telah diluluskan kepada pihak pemohon
- vi. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan

f) Biro Kebajikan dan Kesihatan

- i. Memohon peralatan dan kemudahan serta peruntukan kewangan untuk melaksanakan aktiviti
- ii. Mengenalpasti pelajar yang memerlukan khidmat bantuan kebajikan dan kesihatan
- iii. Menguruskan aduan dan laporan permasalahan pelajar asrama

- g) Biro Sukan dan Kebudayaan**
- i. Memohon peralatan dan kemudahan serta peruntukan kewangan bagi melaksanakan aktiviti
 - ii. Menganjur dan mengambil bahagian dalam aktiviti sukan dianjurkan pihak institut ataupun pihak luar
 - iii. Menggalakkan pelajar menggunakan segala kemudahan sukan
 - iv. Menggalakkan penyertaan semua pelajar dari pelbagai kaum dalam setiap aktiviti sukan dan kebudayaan
 - v. Memastikan setiap aktiviti tidak menjejaskan etika dan budaya sesuatu kaum serta imej organisasi
 - vi. Menentukan pelaksanaan aktiviti adalah menepati kehendak perancangan
- h) Biro Kerohanian dan Khidmat Sosial**
- i. Memohon bahan dan kemudahan serta peruntukan kewangan untuk melaksanakan aktiviti
 - ii. Memohon kelulusan daripada penasihat untuk menjemput penceramah
 - iii. Merancang, melaksana dan memantau segala aktiviti kerohanian dan sahsiah agar memenuhi peraturan institut
- i) Biro Keselamatan dan Ketenteraman**
- i. Merancang dan melaksanakan latihan kebakaran sekurang-kurangnya satu (1) kali setiap semester pengajian
 - ii. Memohon peralatan dan kemudahan serta peruntukan kewangan untuk melaksanakan aktiviti
 - iii. Memastikan keadaan kediaman asrama terkawal dan harmoni


j) Biro Kebersihan dan Keceriaan

- i. Memohon peralatan dan kemudahan serta peruntukan kewangan untuk melaksanakan aktiviti
- ii. Memastikan keadaan kediaman asrama sentiasa bersih dan ceria

k) Biro Tugas-Tugas Khas

- i. Menyediakan carta organisasi JKA
- ii. Memohon peralatan dan kemudahan serta peruntukan kewangan bagi melaksanakan aktiviti
- iii. Membantu pelaksanaan aktiviti oleh mana-mana biro.

**Carta Organisasi
Jawatankuasa Kediaman Asrama Institut**



Rajah 2: Carta Organisasi Jawatankuasa Kediaman Asrama Institut

Konsep Pengurusan Asrama ILJTM



Rajah 3: Konsep Pengurusan Asrama ILJTM

3.5 PERATURAN AM ASRAMA

3.5.1 Kesihatan Pelajar

Ibu bapa / penjaga / pelajar bertanggungjawab memberitahu mengenai status kesihatan kepada pihak institut sebagaimana disahkan oleh Pegawai Perubatan semasa pendaftaran dan dari masa ke semasa jika perlu.

3.5.2 Waktu Makan*

Waktu makan di asrama adalah seperti berikut;

Sarapan	: 6.45 am – 7.45 am
Makan Tengahari	: 12.45 pm – 1.45 pm
Makan Malam	: 6.00 pm – 7.00 pm
Minum Malam	: 9.00 pm – 10.00 pm

(* mengikut kesesuaian institut)

3.5.3 Surat Menyurat dan Bungkusan

- Surat dan bungkusan daripada pihak luar hendaklah lengkap dengan maklumat pengirim.
- Surat dan bungkusan daripada pihak luar hendaklah lengkap dengan maklumat penerima pelajar asrama seperti nama penuh, nombor bilik asrama dan maklumat kursus pelajar.
- Pihak institut berhak untuk melaksanakan pemeriksaan sebelum serahan kepada pelajar asrama.

3.5.4 Keluar Masuk Asrama

- Pelajar hendaklah mendapat kebenaran Warden atau pihak berkuasa institut bagi urusan keluar masuk asrama.
- Buku rekod asrama hendaklah digunakan setiap kali pelajar asrama keluar masuk. (sistem bersesuaian dengan fasiliti institut boleh digunakan seperti sistem rekod digital).

3.5.5 Pulang Kecemasan

- a) Ibu bapa / penjaga hendaklah membuat permohonan pulang kecemasan dan mendapat kelulusan pihak berkuasa institut.
- b) Ibu bapa / penjaga hendaklah datang mengambil pelajar. Pelajar tidak dibenarkan balik sendiri kecuali langkah-langkah keselamatan telah disempurnakan dan mendapat keizinan ibu bapa / penjaga.

3.5.6 Tatacara Pelawat

Ibu bapa / penjaga hendaklah mengemukakan Kad Pelawat kepada pihak keselamatan institut bagi urusan melawat pelajar.

3.5.7 Mengikuti Program (Lawatan, Pertandingan, Perkhemahan, Kokurikulum dan seumpamanya)

- a) Program hendaklah telah mendapat kelulusan pihak berkuasa institut.
- b) Pelajar hendaklah memelihara kesopanan, menjaga imej dan nama baik institut.

3.5.8 Dewan Makan *

- a) Pelajar hendaklah berada di dewan makan pada waktu yang ditetapkan, berpakaian kemas dan memelihara kesopanan.
- b) Pelajar hendaklah beratur dan mengikut giliran ketika mengambil makanan.
- c) Pelajar dilarang membawa keluar makanan dari dewan makan tanpa kebenaran.
- d) Pelajar bertanggungjawab menjaga kebersihan dewan makan. (Sisa makanan dibuang di tong sampah yang disediakan)
- e) Selesai makan, pelajar hendaklah menyusun semula kerusi meja dan peralatan lain ke tempat asalnya.

* Sila rujuk Peraturan Dewan Makan, ms16 – ms17, Buku Peraturan Tataertib Pelajar Edisi 2016

3.5.9 Rawatan Perubatan

- a) Pelajar hendaklah laporkan segera kepada warden bertugas atau pihak berkuasa institut bagi urusan mendapatkan rawatan perubatan di Klinik / Hospital berdekatan.
- b) Pelajar hendaklah laporkan kepada pihak bengkel dan institut sekiranya mendapat Sijil Cuti Sakit dari pihak Klinik / Hospital.
- c) Ibu bapa / penjaga diminta untuk membawa pulang pelajar yang menghidap penyakit yang serius atau berjangkit.
- d) Pelajar bergejala akan ditempatkan di Bilik Rawatan.

3.5.10 Surau

- a) Pelajar beragama Islam diwajibkan menunaikan solat fardhu secara berjemaah di surau
- b) Pelajar beragama Islam diwajibkan hadir ke kuliah maghrib/ ceramah di surau
- c) Pelajar dilarang melepak di dalam surau
- d) Pelajar bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan dan peralatan surau.
 - i. Suis lampu, kipas dan pintu surau hendaklah ditutup selepas digunakan.
 - ii. Kitab, buku, sejadah dan telekung disusun ke tempat asal setelah digunakan.

3.5.11 Sukan dan Rekreasi

- a) Pelajar bertanggungjawab memastikan peralatan dan kemudahan sukan serta rekreasi berada dalam keadaan baik.
- b) Pakaian untuk aktiviti sukan dan rekreasi hendaklah sopan.
- c) Aktiviti sukan dan rekreasi dilaksanakan pada waktu dan di kawasan yang dibenarkan.
- d) Sebarang kerosakan peralatan dan kemudahan hendaklah dilaporkan segera kepada pihak institut.

3.5.12 Bilik Mandi, Tandas dan Bilik Basuh

- a) Penghuni asrama bertanggungjawab terhadap kebersihan bilik mandi, tandas dan bilik basuh sebagaimana keadaan asalnya.
- b) Ditegah membuang sampah atau sebarang jenis bahan asing ke saluran tandas.
- c) Sebarang kerosakan peralatan dan kemudahan hendaklah dilaporkan segera kepada pihak institut.

3.5.13 Bilik Kediaman Asrama

